

14 APR 1998

Mahathir-Singapura

KURANG AIR TAK JEJASKAN PERJANJIAN M'SIA-S'PURA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Kekurangan air di beberapa tempat di negara ini tidak akan menjejaskan perjanjian air Malaysia-Singapura, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Tidak, saya tidak fikir begitu. Kami mempunyai air yang mencukupi. Kekurangan air hanya berlaku di sesetengah tempat. Sehingga ini air tidak kering di tempat-tempat takungan yang membekalkan air ke Singapura, jadi tidak ada masalah," kata beliau ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan satu seminar dan pameran dekat sini hari ini.

Kedua-dua negara dijadualkan menandatangani satu perjanjian untuk membolehkan Malaysia melanjutkan tempoh pembekalan air ke Singapura selepas tahun 2061 apabila tamatnya kontrak sedia ada yang ditandatangani pada 1961 dan 1962.

Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli semula air yang sudah ditapis dari loji milik Singapura di Johor.

Perjanjian air yang baru itu telah dibincangkan antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong semasa beliau melawat Kuala Lumpur pada Februari lepas dan sekali lagi semasa pertemuan mereka menjelang Persidangan Asia-Eropah di London baru-baru ini.

Dr Mahathir telah menyatakan ketika itu bahawa kedua-dua negara telah hampir mencapai persetujuan mengenai perkara itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang melawat Singapura minggu lepas, berkata bahawa isu-isu utama berkaitan perjanjian air itu sudah diselesaikan.

Beliau berkata Malaysia komited untuk memastikan bekalan ke Singapura tetapi syarat-syaratnya akan dibincangkan kemudian. -- BERNAMA

AZZ rn NMO